


MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	02 Jul 2016	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	480,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	100,101	ArticleSize	973 cm ²
AdValue	RM 9,311	PR Value	RM 27,933



 Ya Tuhan

Belum Rezeki Dikurniakan BUAH CINTA

Sudah lama saya pendamkan suara hati. Kata orang kalau menangis sudah kering air mata. Tetapi selama mana saya hendak menangis kerana saya tahu ia tak akan selesaikan masalah yang saya hadapi. Dengan berkongsi kisah ini, sekurang-kurangnya ia mengurangkan sedikit bebanan perasaan yang ditanggung selama ini.

Saya sudah berkahwin hampir tujuh tahun dengan suami. Alhamdulillah, suami seorang yang sangat baik. Saya bertuah ditemukan dengan suami. Jodoh kami diaturkan oleh orang tua kerana kami memang tak tahu bercinta. Mungkin sikap pemalu keduanya membuatkan akhirnya kami redha. Tapi syukur kerana Allah mengurniakan saya seorang suami yang bersikap penyayang biarpun dia sibuk dengan kerjayanya.

Di sebalik kebahagiaan yang saya alami, ada suatu perasaan yang susah untuk saya nyatakan kepada suami dan keluarga. Sepanjang perkahwinan sudah tiga kali saya mengandung dan sudah tiga kali jugalah saya keguguran.

Peristiwa ini membuatkan saya sering menangis di dalam diam. Saya terlalu sedih dan sering tertanya-tanya kenapa saya harus menerima ujian berat ini. Banyak yang saya fikirkan termasuklah adakah saya mampu membahagiakan suami kerana kami tiada zuriat buat masa ini. Adakah suami akan memilih wanita lain kalau ditakdirkan, saya tidak mampu memberinya zuriat? Kata orang semakin difikirkan boleh membuatkan saya stres dan akhirnya saya sering menangis sendirian.

Sewaktu mengandung anak pertama, saya dan suami sangat berharap dapat menimang anak. Namun bila gugur, saya tampak suami sedikit kecewa. Tapi suami menyuruh saya bersabar, katanya ramai yang alami perkara

begini. Kandungan kedua, masuk usia tiga bulan, sekali lagi saya keguguran. Kali ini saya menangis hingga suami menenangkan saya. Mungkin dia tahu saya sangat tertekan tentang hal ini.

Tapi ternyata, sekali lagi Allah menguji apabila sekali lagi saya keguguran ketika mengandung anak ketiga. Saya benar-benar terduduk kerana saya tidak menyangka kandungan kali ketiga juga tidak dapat diselamatkan. Kata doktor, rahim saya amat lemah. Kalau mengandung saya perlu duduk diam di atas katil. Saya ikut saranan doktor, tetapi ternyata, sekali lagi saya keguguran.

Saya lihat wajah suami terusan sugul. Sebagai isteri saya terasa bagaikan berdosa. Kami berdua memang mengharapkan anak sebagai zuriat tetapi Allah menguji saya dengan masalah begini.

Bukan saya tidak pernah berusaha berubat dengan pengamal tradisional. Selain

mengamalkan pemakanan sihat. Saya percaya Allah menguji saya tetapi sebagai manusia lemah, akal dan iman saya ada masanya sangat menyerah.

Puan kaunselor, saya sering terfikir-fikir, tiga perkara yang dibawa oleh anak Adam apabila meninggal kelak. Pertamanya, amal jariah, ilmu yang ditinggalkan dan akhir sekali doa anak yang soleh. Kalau begini keadaan saya, adakah doa daripada anak ini akan dapat saya manfaatkan kerana saya tiada anak yang berdoa untuk saya! Apa pandangan puan tentang hal ini?

Setiap kali memandang ibu-ibu mengandung dan seterusnya mempunyai anak, saya sering tertanya bilakah hal yang sama akan saya lalui iaitu dapat memeluk dan mencium anak sendiri? Saya sering terfikir bilakah saya akan dapat mendidiknya dengan ilmu dunia dan akhirat kerana saya memang sayangkan anak-anak.

Apa yang saya kasihan ialah pada suami. Dia bukan masih muda sebaliknya sudah memasuki usia awal 40-an. Suami sering memberi sokongan tetapi saya tahu dari sudut dirinya, dia memang mahukan anak sendiri. Ada kalanya kawan-kawannya bergurau menyuruh dia kahwin lain. Kata kawan-kawan disambut dengan ketawa. "Itu kena tanya mem besar" katanya merujuk kepada saya.

Apa cara terbaik mengubati luka di hati yang diuji sedemikian rupa. Saya benar-benarnya mahu zuriat. Bantulah saya.

Headline	Belum Rezeki Dikurniakan BUAH CINTA		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	02 Jul 2016	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	480,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	100,101	ArticleSize	973 cm ²
AdValue	RM 9,311	PR Value	RM 27,933

Assalamualaikum WRT,

Puan yang dimuliakan,

Berkahwin dan mempunyai anak adalah satu persepsi yang dibina oleh setiap manusia yang mengambil keadaan ini sebagai 'wajib' dan 'mesti' dalam kehidupan berumah tangga. Pada hal berkahwin dan mempunyai anak adalah konsep rezeki dan anugerah yang Allah SWT kurnia kepada hamba Nya yang terpilih. Konsep rezeki dalam perkahwinan perlu dikaitkan dengan bagaimana perancangan Allah SWT mengatasi perancangan manusia. Manusia hanya berhak berdoa, namun jika bukan rezekinya atau itu mungkin bukan yang terbaik untuk dirinya maka mungkin segala yang kita dapat orang lain tidak dapat dan begitu juga sebaliknya. Perkahwinan juga merupakan jodoh yang telah disusun oleh Allah SWT, yang mana jika ada jodoh maka berkahwinlah namun jika tidak ada jodoh maka pelbagai alasan dan masalah yang timbul. Ada manusia yang diberikan jodoh tetapi tidak diberikan zuriat, ada pasangan yang diberikan zuriat yang ramai tetapi hidup susah, ada pasangan yang diberikan hidup yang senang tetapi tidak ada zuriat dan ada juga pasangan yang diberikan zuriat tetapi tidak bahagia dan sebagainya. Inilah yang dikatakan keadilan Allah SWT yang meletakkan sesuatu pada tempatnya mengikut rezeki, jodoh, ajal dan kehidupan manusia yang telah tertulis seperti yang dijanjikan kepada manusia.

Kisah yang puan paparkan menunjukkan puan sangat tertekan kerana tiada zuriat akibat keguguran sebanyak tiga kali. Segala ikhtiar puan telah buat sehinggakan puan amat cemas kerana puan masih gagal mendapatkan cahaya mata. Puan juga sangat takut akan ditinggalkan suami atau dimadukan atau suami tidak lagi menyayangi puan dan puan juga merasakan diri tidak mampu membahagiakan suami lagi. Seterusnya puan mengaitkan dengan kehidupan selepas mati bagi insan yang tiada anak dan pelbagai imaginasi buruk yang melengkapkan persepsi puan bahawa teruknya diri puan yang tidak ada zuriat dibandingkan dengan orang lain.

Sama ada sedar atau tidak puan sedang 'berperang' dengan persepsi puan juga harapan *expectation* yang puan reka dalam diri puan sehinggakan puan sudah tidak mampu berfungsi sebagai manusia yang normal dan redha dengan sebenar-benarnya terhadap apa ketentuan yang Allah SWT berikan kepada puan. Puan telah dibayangi dengan pelbagai andaian jika puan gagal juga untuk mendapatkan anak maka musnahlah masa depan puan sehingga ke

alam akhirat kelak puan juga bayangkan tidak ada orang yang akan doakan puan. Semua bayangan dan harapan ini adalah tipu daya persepsi puan yang tidak mahu melepaskan segala kebahagiaan sekarang dan puan cuba membandingkan perkara-perkara yang akan menjadi penyebab kepada semua ini.

Sebelum puan pergi lebih jauh lagi, puan perlu berhenti seketika dan kaitkan hubungan puan dengan Allah SWT serta menilai segala kelebihan, kebahagiaan, kenikmatan dan pelbagai pemberian lagi yang telah Allah SWT kurniakan mengikut proses kehidupan puan sehingga ke hari ini. Puan perlu lengkapkan persepsi puan bahawa semua yang berlaku adalah dengan izin serta ihsan Allah SWT kepada puan. Sebaliknya apa-apa yang puan tidak dapat merupakan dugaan serta kebaikan yang terselindung di sebalik keredhaan dan kesabaran puan dalam menjalinkan hubungan dengan Allah SWT. Mempersoalkan apa juga takdir dan rezeki yang Allah SWT berikan boleh membawa puan jauh dari Allah SWT serta puan mempunyai *unfinished* dengan Allah SWT sedangkan adakah layak kita sebagai hamba Allah SWT mempersoalkan perkara yang sudah ditakdirkan kepada kita.


Seterusnya puan perlu memperkukuhkan usaha puan untuk mendapatkan anak kerana puan perlu bersyukur puan masih ada ruang dan kesempatan untuk mengandung walaupun rahim puan lemah. Puan hanya perlu menunggu masa dan ketika dan yakinlah sebenarnya Allah SWT sedang menduga puan dan suami atas musibah ini.

Berbincang dengan suami atas masalah ini dan cuba fahamkan suami dan diri puan atas masalah ini. Bina kepercayaan dalam diri puan dan suami bahawa usaha perlu di teruskan dan perlu kepada sokongan yang padu daripada pihak puan dan suami. Tidak ada masa untuk menyalah kan mana-mana pihak kerana jelas menunjukkan bahawa belum ada rezeki untuk mendapatkan anak. Cuba hindari pelbagai kata-kata yang dilemparkan dalam persekitaran puan agar puan tetap tenang dengan ujian ini. Puan tidak perlu simpan apa juga pandangan atau andaian pelbagai pihak tentang diri puan dan suami kerana puan yang lebih tahu tentang diri puan dan suami. Bina kekuatan diri dan tingkatkan hubungan dengan Allah kerana setiap dugaan yang datang akan membawa bersamanya hikmah yang akan diberikan kepada orang-orang yang sabar.

Puan juga perlu jalani pemeriksaan kesihatan diri dan mental puan agar puan tidak berada tahap stres yang tinggi yang boleh

memberi kesan yang lebih teruk. Mungkin juga keadaan diri puan yang tiga kali keguguran boleh memberi kesan emosi yang berlebihan kepada puan. Pemand perasaan juga boleh menyumbang kepada kemurungan yang berterusan. Oleh itu puan perlu menyuarkan kerisauan puan dan berkongsi masalah dengan suami puan agar mereka juga faham apa yang puan rasakan.

Puan yang dimuliakan

Jangka masa puan berkahwin masih baru dan banyak lagi masa sebenarnya untuk puan sesuaikan dengan keadaan ini. Tidak ada anak bukan bermaksud berakhir hidup ini kerana puan masih ada suami dan dengan teknologi sekarang yakinlah bahawa pelbagai usaha boleh dijalankan untuk membantu puan mengandung dan mendapatkan zuriat dengan selamat. Oleh itu jangan berputus asa dengan Allah SWT kerana setiap usaha yang berterusan akan memberikan hasil yang positif. 

Hantarkan Masalah Anda



Ruangan Ya Tuhan mengalu-alukan penyertaan daripada pembaca untuk berkongsi masalah dalam ruangan ini. Hantarkan masalah anda KE EMEL: almaswa@karangkraf.com.my

atau hantarkan surat anda ke alamat: YA TUHAN, MINGGUAN WANITA GRUP MAJALAH KARANGKRAF SDN BHD, Lot 25, Premis No.1, Jln Renggam 15/5, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51017330 Fax: 03-51017588



PROF. MADYA DR. NOOR AZNIZA ISHAK

JABATAN PSIKOLOGI DAN KERJA SOSIAL, PUSAT PENGAJIAN PEMENDANGUNAN SOSIAL, KOLEJ SASTERA DAN SAINS, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA.